

**DEWAN MAJLIS**

Hari Jumaat, 24 Rejab 1443 / 25 Februari 2022

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.  
**(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.  
**(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.  
**(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang)**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari yang kedua, hari ini, 24 Rejab 1443 bersamaan 25 Februari 2022, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita bersyukur ke hadrat الله سبحانه وتعالى, kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul hadir pada petang ini untuk bersidang di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan rahmat الله سبحانه وتعالى jua, pada sebelah pagi semalam, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis ini sepenuhnya ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan menjunjung tinggi atas keberangkatan baginda bercemar duli dan titah yang dikurniakan oleh baginda itu. Antara lain baginda telah menyentuh mengenai berbagai usaha dan inisiatif kerajaan baginda dalam memeduli hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, seperti halnya dengan pelaksanaan Skim Persaraan Baru pada tahun 2023, Pelaburan Langsung Asing yang telah dapat membukakan peluang-peluang pekerjaan dan menambah hasil pendapatan negara serta usaha-usaha untuk meningkatkan sara diri dalam sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan.

Keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga jelas dilihat dari segi bantuan yang dihulurkan kepada individu dan sektor yang terkesan akibat wabak *COVID-19*.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat semua akan dapat memberikan ulasan dan pandangan serta meneliti sepenuhnya kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah disampaikan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, dalam membahaskan Usul-Usul Yang Diberi Notis dalam Perkara V.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa ada beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga akan menghadiri mesyuarat pada petang ini secara dalam talian atau secara *virtual* oleh sebab keadaan yang dihadapi oleh mereka masing-masing. Ahli-Ahli Yang Berhormat tentu mengetahui dan merasakan bahawa kita masih lagi ada beberapa perkara yang perlu kita selesaikan dengan beberapa segera yang boleh maka saya kira kita berpindah kepada perkara yang lain.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Perkara yang Keempat, Kertas-Kertas Yang Dibentangkan di atas meja. Kertas No 1 Tahun 2022 oleh Yang Berhormat Seri Kerna Dato Seri Setia Dr Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Seri Kerna Dato Seri Setia Dr Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan segala hormat memohon izin kepada

Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No 1, Tahun 2022 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2021 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Kertas No.2 tahun 2022 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola dengan segala hormatnya memohon izin kepada Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No 2, Tahun 2022 iaitu Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat kenyataan untuk membentangkan Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan

dalam tahun 2021 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Manakala Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membentangkan Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Oleh yang demikian, saya memberikan izin kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk membawa dan membentangkan Kertas-Kertas yang dimaksudkan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Perkara yang kelima Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Utama Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Utama Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri:**  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ Selawat dan salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad sallalahialaihi wasalam, sahabat dan

kerabat baginda serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Kita bersyukur kehadiran *الله سبحانه وتعالى* kerana diatas limpah kurnia dan Izin-Nya jua kita dapat hadir di Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini telah *الْحَمْدُ لِلَّهِ* selamat disempurnakan kelmarin oleh Kebawah Duli Yang Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan itu di dewan yang mulia ini saya sukacita mencadangkan satu Usul yang berbunyi:

*Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul Menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan limpah kurnia titah Baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama di Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 haribulan Rejab 1443 Hijrah bersamaan dengan 24 haribulan Februari 2022 Masehi.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita telah saksikan kelmarin titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu adalah bernas serta mengandungi banyak pedoman untuk kita jadikan panduan dan rujukan. Ianya jelas mencerminkan kebijaksanaan, pandangan jauh dan keprihatinan baginda yang amat mendalam terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sepertimana kita sedia maklum, di antara agenda utama persidangan ini pada setiap tahun adalah meluluskan Rang Belanjawan Negara Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia setiap kementerian dan jabatan khususnya Pegawai-Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala perbelanjaan dilaksanakan secara berhemah dan mengikut peraturan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Salah satu perkara yang terus mendapat perhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah jaminan keselamatan sosial khususnya semasa zaman persaraan. Dalam hubungan tersebut satu kajian berkaitan dengan Skim Tabung Amah Pekerja telah selesai dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan *ان شاء الله* akan mula dilaksanakan pada tahun 2023. Dalam masa yang sama usaha-usaha untuk mempromosikan program-program pengurusan kewangan peribadi dan budaya menabung hendaklah diteruskan.

Dalam usaha kearah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, pelbagai inisiatif

dan projek telah dan sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan. Kejayaannya memerlukan sokongan dan komitmen padu daripada semua pihak termasuk sektor awam, swasta dan orang ramai. Ia juga memerlukan pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* agar segala projek, dasar dan pembaharuan yang dilaksanakan itu memenuhi keperluan semua pihak. Salah satu strategi ke arah mencapai Wawasan tersebut ialah dengan memperkembangkan ekonomi negara melalui kepelbagaian hasil.

الحمد لله projek-projek pelaburan asing (FDI) yang dilaksanakan beberapa tahun yang lalu sudah mula menampakkan hasil dan ان شاء الله akan terus berkembang.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam syarikat-syarikat dan para pencari kerja tempatan terutama lepasan sekolah adalah diseru untuk merebut peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang terjana daripada projek-projek tersebut dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kemunculan wabak *COVID-19* telah menimbulkan pelbagai cabaran baru dan sekali gus mengubah cara kita berinteraksi, bekerja, berniaga, belajar dan sebagainya. Meskipun sedemikian salah satu yang diperolehi daripadanya ialah kepesatan

transformasi digital yang membolehkan kita terus melakukan aktiviti-aktiviti tersebut dalam keadaan norma baharu. Dalam membantu pihak-pihak yang terkesan, الحمد لله pelbagai inisiatif dan bantuan telah dihulurkan oleh pihak Kerajaan mahupun pihak swasta. Ini termasuk bantuan kepada perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, bantuan kewangan bagi pekerja-pekerja swasta dan bantuan berupa peralatan pembelajaran seperti komputer untuk para pelajar.

Dalam hubungan ini, perkhidmatan *internet* yang pantas dan *reliable* adalah penting bagi memastikan tidak ada pihak yang ketinggalan. Kita juga telah melihat bagaimana penularan wabak *COVID-19* ini telah menjejaskan bekalan makanan di merata dunia termasuklah negara kita sendiri.

Isu keselamatan bekalan makanan (*food security*) adalah salah satu isu yang perlu terus diberikan perhatian dan keutamaan kerana ianya merupakan keperluan asasi bagi kelangsungan hidup. الحمد لله usaha-usaha untuk meningkatkan penghasilan dan pengeluaran makanan khususnya dalam sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan ke arah mencapai tahap sara diri (*self-efficiency*) dilaksanakan dan ان شاء الله akan mendatangkan hasil yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya sukacita menyeru kepada seluruh rakyat dan penduduk khususnya warga



perkhidmatan awam dan sektor swasta untuk melipatgandakan usaha masing-masing dalam mendukung kepimpinan dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Marilah kita berdoa ke hadrat *الله سبحانه وتعالى* semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja baginda dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan sihat walafiat, aman damai dan sejahtera serta dalam rahmat dan perlindungan *الله سبحانه وتعالى* jua.

Sekian,

*وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ*

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Setelah mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum perkara ini kita bukakan untuk dijelaskan saya meminta supaya ada Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan sebentar tadi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

*بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah membentangkan satu Usul bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah Ibnu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini iaitu pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan dengan 24 Februari 2022.

Kenyataan Usul itu telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Usul itu begitu jelas sekali dibentangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Saya kira adalah sesuai sekarang bagi Usul ini dibukakan untuk dibahas oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bersama ini di sini ada beberapa orang ahli yang suka untuk turut serta membahaskan Usul tersebut.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan harapan supaya kita dapat menyelesaikan perkara ini secepat-cepatnya. Maka, biarlah kenyataan-kenyataan itu tepat dan tidak memakan masa yang panjang.

Maka dengan itu, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari untuk memulakan perbincangan ini.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**  
Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di dewan yang mulia ini dengan hormat dan penuh takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam atas keberangkatan baginda dan mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas tahun 2022.

Daripada beberapa banyak kurnia titah baginda yang sangat signifikan sehinggakan memberikan semangat yang tinggi bagi kaola memetik beberapa titah baginda dalam Usul Menjunjung Kasih di permesyuaratan ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pertama kaola mengambil petikan titah yang berbunyi:

**“Majlis Mesyuarat Negara, sebagaimana pernah Beta titahkan, adalah merupakan wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara”.**

Daripada petikan titah ini kaola mengusulkan Negara Brunei Darussalam melaksanakan pemerksaan ekonomi belia melalui latihan kemahiran jaminan pekerjaan. Salah satunya dengan bekerja sendiri menjalankan perusahaan adalah suatu pekerjaan, maka supaya belia muda ini diberikan kemudahan modal perniagaan awal (*start-up business*) mikro sekurang-kurangnya \$30,000.00 hingga ke \$50,000.00. Kemudahan kewangan mikro dengan jaminan kemahiran yang diperolehi melalui latihan yang diperolehi di pusat-pusat latihan seperti IBTE, Pusat Pembangunan Belia dan lain-lain.

Maka dengan memperkasa belia selaku aset negara adalah suatu langkah masa depan negara, mereka tidak boleh cacat atau susut nilai. Jika aset cacat atau susut nilai, maka itu, bukan lagi bernama aset.

Juga kaola ingin membahaskan perkara kedai runcit yang dikuasai oleh warga asing sudah dibangkitkan pada perjumpaan bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada tahun 2021 dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II pun bersetuju dan mengatakan perkara ini adalah masalah nasional. Persoalannya sejauh mana pihak tertentu membuat perancangan bagi mengatasi perkara ini dan bila ianya akan dilaksanakan dan bila sepatutnya *target* pelaksanaan ini berjaya.

Dan seterusnya kaola memetik titah:

***"Dengan kemasukan pelabur langsung asing ke negara ini, sudah setentunya akan membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada orang-orang dan syarikat-syarikat tempatan. Ini semua memberi faedah signifikan kepada negara, termasuk menambahkan hasil pendapatan."***

Kaola menyokong penuh titah berkenaan bagi negara menerima baik bagi pelaburan-pelaburan asing yang mendatangkan faedah dan manfaat sepertimana kurnia titah di atas. Melalui *FDI* kita perlu memperkasa perniagaan tempatan yang dikelolakan dan dijalankan oleh pengusaha Brunei.

Di sini kaola ingin mengusulkan supaya pendaftaran syarikat kecil sendirian berhad yang tidak mencapai Akta Cukai Pendapatan Korporat *direview* semula.

Maka kaola mengusulkan supaya sosioekonomi rakyat diutamakan dengan membuat reformasi syarikat sendirian berhad yang tidak mencapai ke tahap Akta Cukai Pendapatan Korporat supaya *direview* semula supaya tidak direbuti oleh warga asing yang menjadikan bangsa kita terpinggir.

Dan seterusnya kaola memetik titah yang berbunyi:

**"Sementara itu, usaha meningkatkan sara diri dalam sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan sedang diaktifkan. Beta mengambil maklum bahawa perkara ini sedang dilaksanakan oleh kementerian berkenaan dengan meningkatkan keluaran dari sektor pertanian dan perikanan. Pengeluaran beras tempatan pada khususnya, juga sudah mula menampakkan hasilnya dengan produktiviti peningkatan kapasiti *rice milling*. ان شاء الله dengan terlaksananya projek ini nanti akan membantu para petani untuk lebih fokus kepada penanaman padi masing-masing."**

Di sini kaola mengambil kesempatan, penubuhan Persatuan Peladang Pertanian Brunei (PPPB) adalah juga suatu usaha memperkasa agribisnis, maka diusulkan kemudahan pinjaman kewangan modal awal (*start-up business*) dipermudahkan khusus bagi pengusaha agribisnis, kerana bidang

agribisnis adalah suatu usaha yang dianggap oleh agensi kewangan sebagai *high-risk business*. Makanya usaha memajukan dalam bidang sangat memerlukan sokongan daripada agensi-agensi kewangan yang ada.

Dan petikan titah seterusnya berbunyi,

**“Akhirnya, beta berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya bersedia memberikan buah fikiran dan pendapat masing-masing tanpa ragu-ragu dan walang demi kebaikan semata-mata. Adapun negara, memang sentiasa menunggu idea-idea bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.”**

Kita sama-sama menjunjung harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam seperti petikan titah di atas, maka kita jangan mengambil rasmi daun keladi, ambil rasmi padi berat menunduk penuh “barunas”. Cipta calak Brunei. Peneraju agensi kewangan harus calak Brunei yang benar-benar tahu dan memahami keperluan rakyat ke arah memperkasa ekonomi bangsa.

Kita berkawan bukan berlawan, wujudkan solusi berpandukan titah, laksanakan *succession planning* dalam syarikat GLC, supaya peluang anak brunei lebih luas mendapatkan pekerjaan.

Titah seterusnya:

**“Beta mahu, supaya digunakan peluang ini untuk mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu diperbaiki. Inilah 'moto' persidangan kali ini. Beta ucapkan selamat bersidang.”**

Mengambil sukut kurnia titah di atas kaola suka mengusulkan supaya rakyat Negara Brunei Darussalam dikurniakan satu anugerah bagi yang menyumbang dalam bidang ekonomi, sedangkan warga asing yang menyumbang ekonomi diberikan status penduduk tetap yang tidak bertempoh.

Dan juga kaola mengambil kesempatan ini mengusulkan supaya Negara Brunei Darussalam mempunyai akses kemudahan pembayaran langsung (*direct payment*) bagi belia-belia yang ingin berkecimpung sebagai *YouTubers*. Di negara kita diketahui banyak *YouTubers* asing yang mendapat faedah daripada aktiviti ini. Peluang pasaran adalah luas kerana dunia maya tiada sempadan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola suka mengambil berkat sempena di bulan sambutan perayaan Hari Kebangsaan ini, memetik kurnia titah Pemasyhuran Kemerdekaan pada 1 Januari 1984 dan mengambil beberapa perkara signifikan daripada kurnia titah 38 tahun yang lalu. Walaupun titah ini sudah berpuluh tahun tidak akan lapuk dek zaman yang berbunyi:

**"...dan bahawasanya Negara Brunei Darussalam adalah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubungan-perhubungan perjanjian yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah dipersetujui bahawa perhubungan-perhubungan luar negeri menjadi tanggungjawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland."**

Daripada titah ini, menunjukkan kepimpinan terdahulu awal-awal memikirkan kebajikan dan kepentingan rakyat dan generasi penerus bangsa dan dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan usaha berkebakikan ini.

Dan titah seterusnya berbunyi:

**"...dan bahawasanya satu perlembagaan yang digelar Perlembagaan Negara Brunei 1959, telah dimasyhurkan oleh Sultan sebelum beta, iaitu Maulana Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-28 dan menurutnyalah kerajaan negara ini disusun dan ia adalah menjadi**

**undang-undang yang tertinggi bagi kerajaan negara ini..."**.

Perlembagaan 1959 adalah hadiah terbesar kepada bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang patut sentiasa kita teliti dan dijadikan panduan dalam usaha memajukan negara dan bangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum mengundur diri, kaola sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan merafakkan sembah dan doa ke hadrat الله سبحانه وتعالى supaya baginda dan Ahli Kerabat baginda dan rakyat Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam rahmat الله yang membawa kepada kebahagiaan

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Khabarnya Yang Berhormat akan membuat kenyataannya secara *virtual*.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:**

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati الله. Terima kasih Yang Berhormat Yang

Di-Pertua kerana memberi peluang kaola untuk menyampaikan sembah menjunjung kasih walaupun tidak dapat bersama secara fizikal pada waktu ini.

Lebih dahulu sukacita kaola dengan penuh hormat dan takzim menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan bercemar duli dan pengurniaan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Khamis, 23 Rejab 1443H bersamaan dengan 24 Februari 2022 Masihi.

Titah baginda sangat jelas memberi ingatan kepada kita semua bahawa persediaan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 yang hanya tinggal kira-kira 13 tahun saja lagi, perlu dirancang dengan rapi dan seawalnya untuk memastikan segala apa jua rancangan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berjalan lancar.

Penyediaan dan pelaksanaan infrastruktur di negara ini adalah

menjadi tanggungjawab Kementerian Pembangunan yang mana telah pun banyak dilaksanakan di bawah projek yang dirancang di dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Ini membuktikan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus komited ke arah pembangunan infrastruktur di negara ini. Ianya telah memberi impak yang besar bukan sahaja dalam menaik taraf kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini malahan juga sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Semua ini adalah untuk memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa berterusan dan terjamin. Penyediaan peta jalan (*roadmap*) bagi projek-projek yang perlu dimasukkan di dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12 seperti yang disentuh di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah satu kaedah *Whole Of Nation Approach* dalam memastikan Wawasan Negara 2035 tercapai.

Kementerian Pembangunan akan sentiasa bersedia berkhidmat dalam mendukung pelaksanaan strategik setiap kementerian dan jabatan yang berkenaan dalam penyediaan pembangunan infrastruktur dan ان شاء الله

akan sentiasa memastikan ianya dilaksanakan mengikut keutamaan, keperluan dan pemantauan yang rapi mengikut jadual yang ditetapkan.

Di samping itu juga Kementerian Pembangunan menjunjung tinggi titah baginda mengenai dengan penekanan baginda dalam perbelanjaan kewangan negara hendaklah dibuat secara berhemah dan berdisiplin dengan mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang ada dan tidak menggunakan kuasa untuk berbelanja sewenang-wenangnya serta mengikut keutamaan, keperluan, tidak membazir dan dilaksanakan dengan teratur.

Titah baginda ini akan sentiasa menjadi panduan dan ingatan bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam melaksanakan apa jua projek di bawah kementerian ini.

إن شاء الله, pihak Kementerian Pembangunan akan terus berusaha bagi memastikan peruntukan yang diberikan adalah mengikut keutamaan kementerian dan selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023.

Pihak kementerian juga akan sentiasa *review* dan meneliti semula mana-mana perkhidmatan yang perlu penambahbaikan agar ianya bertepatan dengan keperluan dan espektasi orang ramai.

Pada hakikatnya, dalam melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur ini, tidak semua yang dapat

dilaksanakan mengikut apa yang dirancang kerana banyak halangan dan cabaran yang perlu dihadapi.

Tetapi melalui pengalaman serta mengambil pengajaran dari projek-projek yang telah dilaksanakan, ianya tidak akan menghalang bagi kita untuk meneruskan apa-apa jua rancangan pelaksanaan projek-projek yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Inilah masanya untuk kita mengemaskan apa yang belum kemas dan menambah baik apa yang perlu diperbaiki seperti yang disentuh di dalam titah baginda semalam.

Kementerian Pembangunan sentiasa mempunyai minda yang terbuka dan menerima apa jua cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan jua daripada orang ramai.

Akhir sekali, kaola ingin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda. Marilah kita sama-sama berdoa semoga segala apa jua usaha yang kita rancang dan laksanakan akan sentiasa mendapat ramat dan pertolongan dari *والله سبحانه وتعالى* jua.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya akan Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuh-penuh Ucapan Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari tersebut.

Titah baginda penuh dengan sifat kasihkan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam, berpandangan jauh serta berwibawa dan didoakan jua semoga baginda serta Kerabat Diraja sentiasa di bawah rahmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** marilah kita semua di dalam dewan yang mulia ini mengucapkan syukur ke hadrat Allah **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas berkat doa kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerajaan baginda. Kitani rakyat Negara Brunei Darussalam terus menikmati penjagaan serta kehidupan yang aman damai walaupun *COVID-19* terus menduga kitani dengan pelbagai cabaran.

ان شاء الله dengan berkat doa dan usaha kitani, bersama-sama kita menghadapi cabaran-cabaran ini dengan sebaik-baiknya. **الْحَمْدُ لِلَّهِ**, di antara inti-pati titah baginda ialah mengenai 'Tabung Amanah Pekerja' atau TAP. Kita sebagai rakyat haruslah bersyukur mempunyai raja yang memedulikan rakyatnya dan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana baginda ingin melihat perlaksanaannya dibuat secara teratur termasuk dengan Pindaan Akta Sistem Teknologi Maklumat serta pemberigaannya.

Menurut Brunei Darussalam *Key Indicators* pada tahun 2020, ahli-ahli aktif di dalam Tabung Amanah Pekerja ialah sejumlah 98,450 orang, iaitu dalam 60% adalah dari sektor swasta dan 40% dari sektor kerajaan. Baginda membangkitkan perkara yang sama Tabung Amanah Pekerja ini pada tahun



lepas kerana ianya menjadi persoalan umum untuk menjamin ahli-ahlinya yang begitu ramai menghadapi hari persaraan.

Perbincangan kita mengenai Perkara TAP dan SCP ini yang dibawakan pada tahun 2018 ان شاء الله pada tahun hadapan kita akan melihat perubahan yang setentunya dinanti-nantikan oleh semua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu mengenai Jaminan Makanan atau *Food Security* serta peningkatan sara diri dalam sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan juga telah diberi perhatian khusus oleh Baginda. Saya mengambil maklum mengenai usaha di bidang Pendidikan mengenai perkara ini seperti

program-program Agro-Teknologi di Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) malah di UNISSA juga saya difahami mempunyai sebuah Fakulti Pertanian.

Di sini saya berpendapat usaha-usaha ini bolehlah ditingkatkan lagi di suatu masa yang sesuai untuk kitani menubuhkan sebuah Universiti Agro-Teknologi. Ini akan dapat lagi mendukung hasil kitani di dalam jaminan makanan di samping mendukung salah satu *priority sector* iaitu makanan seperti disebut di dalam *Brunei Economic Blue Print* yang baru dilancarkan. Malah dapat juga mendukung *Digital Economy Master Plan* negara di dalam mengadaptasi *Internet Of Thing (IOT)* dan *Smart Farming*.

Dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berjumlah 197.8 juta Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan ini perlulah di beri perhatian khusus sebagai penyumbang besar kepada ekonomi negara dan ianya memerlukan dukungan pakar dan akademik yang bakal dilahirkan dari Universiti Agro-Teknologi ini.

Teknologi dan pendekatan baru seperti *Circular Food System*, *Degenerative Agriculture*, *Agroarcheology*, fasiliti penyimpanan dan logistik yang lebih efisien. Penggunaan *drone* dalam Agro-Teknologi, *Smart Agriculture* dan bermacam-macam lagi. Perkara ini memerlukan dukung akademia dan profesional.

Revolusi Ekonomi Ke-4 tengah merubah dunia dan kitani harus mengaplikasikannya ke dalam jaminan makanan kitani serta sumber-sumber utama yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Terakhir sekali, kitani tidak mahu eko-sistem hutan kitani dimusnahkan dan tanah ditukar kepada kegunaan pertanian yang tidak bersistematik dan terkawal, dan pengeluaran makanan yang dipengaruhi oleh perubahan iklim akan menghasilkan pengeluaran tidak menentu. ان شاء الله dengan penubuhan Universiti Agro-Teknologi ini nanti akan mampu memberi panduan kepada jaminan makanan kitani.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuarat Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari Khamis 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Sebelum menyampaikan usul, hamba Kebawah Duli Tuan Patik ingin merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerajaan Kebawah Duli dalam

mempengerusikan *ASEAN 2021* dengan cemerlang dan melimpahkan sokongan yang tidak lekang bukan sahaja kepada rakyat dan negara malahan kepada seluruh Komuniti *ASEAN*.

Sokongan ini adalah sangat dihargai, dikagumi dan tidak ternilai dalam memperkukuhkan kesiapsiagaan *ASEAN*. Ampun beribu ampun dengan segala hormat dan takzimnya bagi mewakili pihak *ASEAN Business Advisory Council Brunei* dan sektor swasta termasuk *MSMEs* tempatan, hamba Kebawah Duli Tuan Patik sangat ingin menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Tuan Patik atas sokongan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap sektor swasta selama ini.

Semoga Kebawah Duli Tuan Patik serta kaum kerabat sentiasa dalam perlindungan dan rahmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dilanjutkan usia dan dalam keadaan sihat walafiat. **أَمِينَ يَا رَابِلَ عَالَمِينَ**

Yang Berhormat Yang Di-Petua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Syukur **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kerana sepanjang lima tahun kebelakangan ini banyak kemajuan dan peningkatan positif terlihat dalam berbagi usaha dari sektor awam, sektor swasta mahupun sokongan berterusan dari masyarakat yang telah menyumbangkan dan memastikan pembangunan negara selaras dengan hala tuju Wawasan 2035 kita.

Walaupun kita masih terkesan dengan pandemik *COVID-19* ianya tidaklah menyekat perancangan pembangunan

ekonomi semua pihak untuk mencapai fiskal negara yang berdayatahan. Ini dapat dilihat melalui pelancaran dan pemberigaan pelan strategik, rangka kerja dan polisi terkini oleh kementerian-kementerian dalam merangka perancang demi perubahan negara yang lebih baik yang ingin dicapai berdasarkan hala tuju Wawasan 2035.

Kaola ingin merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu baginda telah menyatakan bahawa Rancangan Kemajuan Negara ke-11 akan berakhir pada Tahun Kewangan 2022-2023. Ini bererti Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 yang akan bermula pada bulan April 2023 akan ada mempunyai peta jalan yang menerapkan kaedah *Whole of Government* bagi projek-projek dalam RKN-12 sebagai usaha untuk memastikan wawasan negara 2035 tercapai.

Jelaslah bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan sepenuh kepercayaan dan harapan yang tinggi kepada semua kementerian untuk bersatu dan berkerjasama dalam melaksanakan projek-projek rancangan di bawah Rancangan Kemajuan Negara untuk mencapai hasil yang optimum bagi semua pihak dengan pendekatan *Whole of Government Approach*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kaola ingin mengutarakan usul yang kaola rasa mustahak untuk dibincangkan dan diteliti melalui persidangan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Mengenai dengan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara ianya seharusnya telah pun dilaksanakan dengan *Whole of Government* dan *Whole of Nation Approach* untuk negara mencapai Wawasan Negara 2035 dengan lancar dan efisien seiring dengan jangka masa RKN tersebut.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Awal Tahun Masihi 2022 mengenai dengan bangunan kepunyaan kerajaan yang terbiar dan tidak digunakan lagi perlu ditangani secara holistik oleh pihak berkepentingan supaya aset-aset berkenaan dapat dimanfaatkan dan sekali gus untuk mengelak pembaziran. Baginda mengatakan semua kementerian adalah digalakkan untuk melaksanakan kaedah *shared-facilities* agar perbelanjaan dapat difokuskan kepada mencapai Wawasan Negara 2035. Ini jelas menggambarkan bahawa pihak kerajaan perlu berkerjasama dengan mengintegrasikan atau berkongsi kemudahan dan aset-aset mereka.

Setakat Januari 2021 terdapat 389 bangunan-bangunan kosong dan terbiar yang dimiliki oleh pihak kerajaan. Ada

juga tanah-tanah yang telah digazet tetapi belum ada sebarang perkembangan walaupun telah lama diberikan. Ini sangat menyedihkan kerana aset-aset dan tanah ini seharusnya telah pun dikembangkan dan telah boleh memberikan manfaat dan hasil bukan sahaja kepada masyarakat awam bahkan kepada pihak kerajaan sendiri.

Di sini kaola ingin mengusulkan untuk aset-aset yang kosong yang terbiar ini diberikan perhatian khusus dan diperiksa semula tujuan-tujuannya ianya dibina, untuk mengelakkan pembaziraan aset-aset yang sangat berharga. Salah satu langkah yang boleh dilakukan ialah bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 untuk menggunakan semula bangunan-bangunan tersebut (*repurposing*) dan digunakan sebagai *shared facilities*. Ini akan menjimatkan perbelanjaan kerajaan di dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 di mana infastruktur-infastruktur dan perkhidmatan yang sedia ada seperti air, elektrik, jalan raya boleh menggunakannya bagi mengurangkan perbelanjaan daripada menggunakan tanah kosong yang belum diusahakan dan belum mempunyai apa-apa infastruktur dan perkhidmatan.

Yang kedua, Aset-aset ini boleh dibukakan secara *lease* atau PPP kepada pihak-pihak yang juga berpotensi di sektor swasta. Ianya juga menjana hasil yang sangat baik kepada pihak kerajaan dan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Yang

paling penting dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah projek-projek tersebut hendaklah melibatkan *Whole of Government Approach* .- Satu projek melibatkan beberapa kementerian dan bukanlah hanya satu kementerian sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terdapat isu-isu yang saya bangkitkan di Dewan mulia ini yang telah melahirkan buah fikiran atau cadangan yang telah dipertimbangkan oleh beberapa kementerian bermula dari penjimatan perbelanjaan negara seperti menjimatkan perbelanjaan kerajaan dengan hanya menggunakan peruntukkan yang diluluskan dengan cekap untuk mengelak lebih banyak permohonan Perbelanjaan Tambahan (*Supplementary Supply*). Pertama sekali kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi atas penerapan *fiscal consolidation* yang nampak berkesan ان شاء الله. Walau bagaimanapun kaola percaya kita sentiasa ada ruang untuk penambahbaikan.

Wawasan 2035 hanya tinggal 13 tahun sahaja lagi, iaitu 2 RKN sahaja yang merangkumi RKN-12 dan RKN-13. Walau kita melihat beberapa projek bergerak progresif tetapi projek-projek ini masih kekurangan pemantauan dan pelaksanaan yang berkesan.

Terakhir sekali kaola dan Ahli-Ahli Yang Berhormat disini sangat berharap bahawa apa yang bakal dibincangkan dan buah fikiran yang

disumbangkan dalam di Dewan ini kan lebih bernas, bermanfaat dan memberikan hasil positif kepada semua.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua kaola berdiri di Dewan yang mulia ini bagi menyembahkan sembah Junjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kurnia titah Baginda semasa pembukaan rasmi mesyuarat pertama Majlis Mesyuarat Negara Musim Kelapan Belas semalam 24 Februari 2022.

Kaola menyokong penuh sembah menjunjung kasih Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dengan sepenuhnya.

Sesungguhnya titah Baginda itu adalah amat ditunggu-tunggu oleh rakyat dan penduduk negara. Dikesempatan yang keemasan ini kaola sukacita memetik salah satu intipati titah Baginda, iaitu yang antaranya akan kaola sebut di bawah ini kerana yang lain-lain telah pun dan akan disebutkan oleh rakan-rakan kaola yang lain.

Baginda telah menitahkan bahawa ekonomi negara masih saja bergantung kepada sektor gas dan minyak sambil Baginda mengambil maklum mengenai perkembangan positif mengenai usaha-usaha yang berterusan agensi-agesi yang berkaitan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Di sektor minyak dan gas negara kita mengambil maklum bahawa telah ada perancangan yang konkrit dalam proses pem-bruneian bagi menerajui tadbir urus di sektor tersebut.

Perkara ini abis kaola dapati daripada sesi muzakarah bersama kementerian yang berkenaan, dan abiskaola amat gembira mendengar proses tersebut masih berjalan dan akan dilaksanakan

mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan. Kita berdoa semoga proses tersebut akan terus berjaya, amin yarabalalmin.

Sebelum kaola mengakhiri Usul sembah Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kaola dengan segala kerendahan hati merafakkan doa ke hadrat الله سبحانه وتعالى semoga Baginda dan seluruh ahli kerabat Baginda, Kerajaan Baginda, rakyat Baginda akan dikurniakan kesihatan dan kemakmuran serta kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan taufik dan hidayah الله سبحانه وتعالى jua. أمين يا راب العالمين, akhirnya kaola ingin merakamkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana sebelum datang permesyuaratan ini, kaola telah pun diletakkan dalam kod *purple* tetapi alhamdulillah apabila kaola diminta semak semula Kementerian Kesihatan dalam masa setengah jam mereka telah berusaha sepenuhnya dan menukar kad kaola menjadi *green* syukur, الْحَمْدُ لِلَّهِ terima kasih Yang Berhormat Pehin dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan orang-orangnya والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:**

بسم الله الرحمن الرحيم السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola terlebih dahulu ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan limpah kurnia titah Baginda bersempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuarat Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang mulia ini sangat bernas dan jelas dan perlu kita junjung, teliti, kaji serta dijadikan sebagai landasan dalam bermuzakarah. Ia jelas mempamerkan bahawa Baginda sentiasa peduli terhadap kesejahteraan serta kebajikan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan perhatian oleh pihak Kerajaan dan sektor swasta dalam mendengar kadar inflasi yang disebabkan oleh beberapa sekatan perjalanan yang masih dilaksanakan oleh sebahagian negara.

Dalam menangani hal ini kaola mencadangkan akan adanya badan-badan yang menyelia, dasar kecukupan dan keselamatan makanan bukan sekadar memastikan kecukupan bekalan tetapi juga memastikan harga makanan selari dengan kuasa beli penduduk di negara ini terutama sekali barangan mentah.

Kaola juga percaya dengan mengimplikasikan konsep *edible garden* di kediaman penduduk boleh mengurangkan kes sara hidup seharian memudahkan akses kepada bekalan segar tanpa penyebaran *COVID-19* di pasar-pasar dan pusat membeli-belah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola seterusnya menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan usaha meningkatkan sara diri dalam sektor pertanian, agrimakanan perikanan dan ternakan yang sedang diaktifkan yang boleh menyumbang kepada kedayatahanan fiskal negara.

Dalam hal, ini kaola percaya peluang-peluang perkerjaan dalam kalangan belia dan graduan akan dapat diperluas dan seterusnya menurunkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Kaola percaya keterlibatan rakyat dan peniaga tempatan nanti akan dapat menyumbang

kepada kemajuan perindustrian dan seterusnya ia menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Kaola juga percaya dengan mengembangkan lagi sektor-sektor ini, bidang keusahawanan juga dapat di perluaskan sebagai memainkan peranan penting dalam mewujudkan peluang ekonomi.

Untuk mencapai hasrat ini kaola percaya beberapa strategi akan dirangka untuk mewujudkan suasana yang membolehkan sektor awam, sektor swasta, Profesional berkolaborasi dengan lebih aktif.

Melalui sektor ini juga diharap usaha akan dapat dipergiat untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui pelbagai inisiatif termasuk peningkatan produktiviti dengan memberi tumpuan pada pembangunan modal insan terutama latihan semula dan peningkatan kemahiran dalam bidang, agri-makanan, pertanian, ternakan, perikanan terhadap warga belia. Disamping itu kaola percaya dengan menambahbaik kurikulum pendidikan *tertiary* dan mengkaji program industri semula boleh meningkatkan kebolehan pasaran graduan. Manakala dengan pengeluaran beras tempatan yang semakin meningkat, kaola percaya dengan adanya penggunaan teknologi yang berinovasi tinggi serta pelaksanaan sistem yang holistik akan membantu meningkatkan industri padi dan beras tanpa meminggirkan kesejahteraan dan

kebajikan pesawah sebagai tambahan bagi keselamatan makanan, Kualiti penuaian padi, proses pengedaran dan beras yang di import perlulah menurusi juruukur Kualiti tanpa menjejaskan kestabilan harga beras di negara ini .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola percaya titah Baginda ini merupakan harapan Baginda dalam menggukuhkan lagi kesejahteraan dan kebajikan penduduk negara ini terus terpelihara secara berterusan.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera. Selawat dan salam kepada Rasul Junjungan Nabi Muhammad S.A.W suri tauladan sepanjang zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola saya hormati sekalian. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Dato Awang Isa Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

التَّحِيَّاتُ titah baginda sesungguhnya sangat relevan untuk kitani semua junjung dan fikirkan kerana ia amat bermanfaat kepada seluruh rakyat dan negara yang mengandungi elemen nasihat dan panduan untuk menuju hasrat Wawasan Negara 2035.

Kaola menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Sultan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan limpah kurnia titah Baginda Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara Pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan dengan 24 Februari 2022.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua menyentuh kepada RKN Ke-12 satu aspek yang penting dalam pembangunan negara adalah soal perancangan. Lebih-lebih lagi melibatkan pembangunan fizikal negara yang harus dilihat secara strategik dan holistik dari segenap sudut dan melibatkan peranan aktif dari pelbagai pihak untuk memastikan negara mampu menjadi sebuah negara makmur dan berdayatahan dari segi ekonomi, alam sekitar dan keseimbangan sosial demi menjamin kesejahteraan negara keseluruhannya.



Antara ciri-ciri yang penting adalah untuk mengadakan satu instrument utama bagi menarik pelaburan dengan menjadikan persekitaran yang menjurus kepada *investor-friendly* yang secara langsung akan dapat membuka peluang pekerjaan kepada graduan-graduan yang sudah menamatkan pengajian mereka.

Dari sudut yang lain juga akan merencanakan lagi pertumbuhan peniaga-peniaga tempat iaitu *Local Business Development*. Oleh yang demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah memperkenankan pindaan ke atas Perintah Perlembagaan Prosedur Kewangan Pindaan 2022 yang akan dikuatkuasakan pada 01 April 2022 akan dapat membantu merealisasikan pencapaian Wawasan Negara 2035. Menyentuh sedikit mengenai merealisasikan dengan pelaksanaan hasil kajian Tabung Amanah Pekerja (TAP). Kaola sukacita ingin mencadangkan bahawa adalah diharapkan ia akan menjadi satu penyelesaian yang terbaik, ia yang akan dapat memberikan *social security* kepada penerima apabila mereka bersara nanti.

Sama-sama pentingnya menyusun strategi untuk mendapat kefahaman Skim Persaraan Baru yang dimaksudkan. Ianya juga dapat memberi gambaran bahawa Skim Persaraan ini dapat memberikan nafas baru yang lebih komprehensif, Inklusif, mampan dan memperlengkap agar dapat mencapai matlamat yang dihasrat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, *Food-Security* adalah merupakan antara agenda negara yang diberi perhatian. Ianya bertujuan untuk membolehkan mendaya upayakan membolehkan dan mendaya upayakan semula membolehkan ekonomi negara di sektor pertanian, agri-makanan, perikanan dan ternakan.

Ini termasuk melihat pendekatan fasa pandemik supaya pembukaan semula aktiviti ekonomi akan berjalan dengan selamat dan pengalaman norma baru diberi keutamaan.

Kita dapat mencapai pelbagai nikmat dan rahmat hasil daripada perancangan dan pembangunan yang teliti. Ini adalah hasil kerja keras pihak perancang dan profesional di negara ini yang menjadi titik permulaan semula semua pengguna fiskal negara yang merangkumi secara menyeluruh di semua peringkat kerajaan.

Di kesempatan ini kaola ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua perancang dan profesional samaada di Perkhidmatan Awam mahupun swasta, bagi yang masih berkhidmat atau yang sudah bersara abiskita semua adalah tulang belakang kepada perancangan negara yang dapat dinikmati kita semua pada hari ini.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memajukan negara kita yang kita cintai ini ke atas kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang terhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin**

**Haji Khamis:** Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اَلْحَمْدُ لِلَّهِ kita bersyukur ke hadrat atas rahmat dan segala nikmat yang limpahkan ke atas kita dan juga negara kita Brunei Darussalam yang aman damai hingga ke hari ini.

Kaola berdiri mewakili Zon 3 kawasan Brunei Darussalam Kawasan Daerah Brunei dan Muara ikut serta berdiri dalam Dewan yang Mulia ini menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi menyembahkan Sembah Ucapan Menjunjung Kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari khamis, 24 haribulan Februari tahun 2022, dan atas kurnia titah baginda dalam Istiadat Perasmian tersebut.

Dengan penuh kesyukuran kaola amat tersentuh hati mendengar titah baginda yang antara lain menyentuh bahawa Majlis Mesyuarat Negara adalah merupakan wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara berkebjakan di samping berperanan untuk memikirkan, membahaskan serta membuat cadangan dan sokongan serta tempat menyampaikan dan menyuarakan idea-idea dan pendapat mengenai perkara-perkara yang berkebjakan untuk rakyat dan negara serta seterusnya menambah baik mana-mana yang perlu diperbaiki melalui Majlis Mesyuarat Negara ini. Ini bermakna bahawa baginda amat prihatin dan memberi perhatian berat terhadap kebajikan, kesejahteraan dan keharmonian seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, baginda juga mengingatkan dan mengambil peduli supaya kerajaan baginda perlu berhemah dan berdisiplin dalam mengendalikan dan membelanjakan kewangan Negara terutama dalam perbelanjaan bagi melaksanakan Projek-Projek Kerajaan bagi kepentingan rakyat

dan mempertingkatkan Kemajuan Negara yang menjurus kepada perbelanjaan hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Kewangan yang ada sehingga baginda juga memperkenankan pindaan ke atas Perintah Perlembagaan Prosedur Kewangan (Pindaan 2022) dan Peraturan Kewangan 2022 yang akan bermula berkuat kuasa pada 1 haribulan April 2022.

Amatlah dihargai dan perlu dipatuhi oleh setiap pegawai yang diberikan amanah. Keprihatinan dan sikap baginda ini perlu dicontohi oleh semua rakyat di negara ini dalam mengawal dan mentadbir kawangan sendiri dalam kehidupan seharian.

Dalam titah baginda juga dengan jelas Baginda sentiasa prihatin memikirkan dan mengutamakan kebajikan dan kebahagiaan serta keselamatan rakyatnya dalam apa jua keadaan pun. Terutama soal kewangan rakyat apabila menjalani kehidupan dalam persaraan melalui Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP).

الْحَمْدُ لِلَّهِ , kerajaan baginda melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja telah selesai dan sempurna membuat kajian rapi dan hasilnya akan dilaksanakan pada tahun 2023.

Kaola mewakili rakyat amat bersyukur dan menyambut baik serta menantikan perubahan ini serta berharap semoga perubahan ini akan

menggembirakan dan juga semoga isu TAP ini tidak lagi berbangkit dan dipersoalkan berlarutan.

Berhubung dengan pembangunan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan Baginda melalui RKN-11 yang akan berakhir pada tahun Kewangan 2022/2023 amatlah disyukuri dimana beberapa pembangunan dan kemudahan telah dinikmati oleh rakyat negara ini,   
الْحَمْدُ لِلَّهِ

Dalam hubungan ini, kaola juga melihat dan mendengar Jawatankuasa Tertinggi RKN-11 mempunyai komitmen yang tinggi dan mengadakan beberapa lawatan dari masa ke semasa ke tapak-tapak projek RKN bagi memastikan kelancaran dan perkembangan projek-projek berkenaan serta sentiasa memperkemaskan dan memantau sasaran hasil khusus yang hendak dicapai.

Kaola juga menyambut baik akan RKN-12 yang akan bermula pada bulan April 2023 dan berdoa semoga RKN-12 akan tercapai dan menepati kehendak Wawasan Negara 2035. Maka dalam hubungan ini kita sebagai rakyat yang bernaung di bawah pimpinan Baginda Sultan hendaklah bersyukur kerana dapat menikmati berbagai kemudahan-kemudahan yang telah dan akan disediakan oleh kerajaan baginda melalui RKN-12 nanti.

Berhubung dengan perkembangan mikro kecil dan sederhana adalah juga

merupakan salah satu sektor penting yang mendapat perhatian khusus dan mendalam oleh baginda. Kerajaan baginda melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadapnya telah mengungkayahkan beberapa inisiatif yang bersesuaian bagi membantu memperkasa Mikro Kecil dan Sederhana termasuk pekerja-pekerjanya supaya terus berfungsi untuk berkembang maju dan bertahan dalam waktu negara dilanda *coronavirus*.

Bantuan Kerajaan Baginda ini juga amatlah dihargai dan disyukuri oleh mereka yang terlibat dan juga yang berkenaan. Rakyat juga amat bersyukur di atas tindakan dan langkah yang tegas Baginda terhadap kerajaan Baginda dalam melaksanakan kemasukan barang-barang keperluan asasi harian di waktu Negara dilanda wabak *COVID-19* yang sedikit sebanyak memberikan impak kehidupan dan keperluan rakyat di negara ini dimana didapati ada setengah peniaga telah mengambil kesempatan dalam kesempitan dengan menaikkan harga-harga barang keperluan.

Dalam hubungan ini adalah dipohonkan kepada pihak-pihak yang berkenaan hendaklah membuat pemantauan yang kerap kali secara menyeluruh ke seluruh premis-premis dalam negara ini bagi memastikan kawalan harga dipatuhi dan bukan hanya secara berkala seperti waktu menjelang bulan Ramadhan dan Hari Raya atau hari-hari kebesaran yang lain.

Akibat *COVID-19* juga kegawatan ekonomi negara sedikit sebanyak terjejas. Walau bagaimanapun negara masih berupaya dengan hasil pendapatan dari hasil minyak dan gas. Di samping beberapa hasil daripada perkembangan hasil sara diri agrimakanan dan pertanian dan juga perikanan serta ternakan yang semakin bertambah maju dan aktif sehingga meningkatkan hasil pengeluaran.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat الله سبحانه وتعالى agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Ahli kerabat dan rakyat Negara Brunei Darussalam beroleh rahmat, hidayah serta kesejahteraan yang berpanjangan

أمين يا راب العالمين

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji**

**Ash'ari:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-

Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik.

Gelombang kedua dan ketiga wabak *COVID-19* telah membawa pelbagai cabaran kepada masyarakat termasuklah syarikat-syarikat yang perlu 'menggulung tikar', mereka yang hilang pekerjaan, harga barangan yang meningkat termasuklah masalah fizikal dan juga mental, ketinggalan pelajaran dan lain-lain lagi.

Pada masa yang sama, ianya juga mempercepatkan transformasi digital, membolehkan perkhidmatan kerajaan dan swasta untuk dibuat secara *online*. Namun ianya juga datang dengan cabaran tersendiri apabila jurang kemiskinan semakin ketara dimana golongan masyarakat yang kurang berkemampuan, mempunyai kesusahan mendapatkan akses peranti dan internet. Kitani melihat perubahan dari segi program-program yang biasanya dibuat segala fizikal dapat dibuat secara atas talian. Apa yang dapat dipelajari melalui pengalaman ini ialah kitani sudah boleh meneliti kesesuaian sistem perkerjaan yang progresif dimana *remote working* atau *flexible hours* bolehlah diperkenalkan sebagai salah satu pendekatan yang baru dalam perkerjaan walaupun wabak ini tidak lagi menjadi satu faktor.

Di kesempatan ini, kaola / saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Yang Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pertimbangan dan pelaksanaan cadangan dan juga tindak balas terhadap isu yang kaola / saya bangkitkan dalam lima tahun kebelakangan, ianya termasuk lah *mental health line, review* dasar belian negara, isu perubahan iklim, isu gangguan seksual di tempat kerja, penggunaan tenaga solar, isu kesedaran bagi kesihatan mental, geran projek bagi belia dan banyak lagi.

Dalam membuat persiapan bagi Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-Ahli Yang Berhormat juga telah mengadakan beberapa sesi muzakarah bersama kementerian-kementerian dan sewaktu sesi-sesilah dibangkitkan isu-isu lama yang masih belum selesai ataupun belum ada jalan penyelesaiannya. Namun seperti yang disentuh di dalam titah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuarat Kelapan Belas untuk menggunakan peluang ini untuk mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah mana-mana yang masih perlu diperbaiki.

Sememangnya masih terdapat beberapa isu yang sering dibangkitkan oleh orang ramai yang belum mendapat jalan penyelesaian yang sesuai. Salah satunya ialah mengenai *payment gateway* iaitu bagi membolehkan orang ramai untuk

menerima pembayaran secara *online* daripada luar negara. Ini boleh menggalakkan sektor perniagaan atas talian yang semakin menjadi minat terutama sekali para belia. Diharap perkara ini akan mendapat perhatian yang serius daripada keementerian-kementerian yang terlibat memandangkan ianya mampu untuk membuka pasaran busines yang lebih luas bagi syarikat-syarikat kitani.

Penyertaan dan penglibatan daripada belia-belia yang terhad disebabkan oleh faktor sosio-ekonomi juga masih juga menjadi satu cabaran. Mereka berisiko dari segi pencapaian akademik, pembangunan minda, masalah sosial, pekerjaan dan terperangkap dalam kitaran kemiskinan.

Isu pengganguran dan juga *under employment* juga adalah satu isu yang besar apatah lagi bagi para graduan yang masih di bawah ikatan biasiswa yang telah menerima pelaburan yang besar dari pihak kerajaan.

Kaola / saya menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepimpinan dan keperihatinan Baginda. Titah Baginda menyentuh

tentang kepentingan Skim Persaraan yang baru

bagi membantu keluarga-keluarga merancang masa depan kewangan mereka dan juga projek-projek pelaburan yang asing yang telah dilaksanakan untuk terus berkembang dan meningkatkan ekonomi negara ini agar membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

Baginda juga menekankan tentang isu salah guna kuasa dan tidak amanah dan ini adalah satu penyakit yang boleh menular dan merosakkan mana-mana pengurusan pentadbiran apatah lagi mengurangkan kepercayaan orang ramai.

Di sini kaola / saya ingin menekankan lagi sekali kepentingan ketulusan dalam tadbir urus kerajaan dan menghapuskan apapun jenis penganaian. Kaola / saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada para kakitangan kerajaan, pihak swasta dan juga para sukarelaan yang telah bertungkus lumus menyumbang tenaga dalam usaha mengurangkan penularan penyakit *Covid-19* di negara ini. Setentunya kitani tidak pernah mengalami cabaran seperti ini namun dengan berkat doa, usaha dan juga kerjasama dari semua pihak kita akan dapat melaluinya.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih atas keizinan yang diberikan kepada kaola.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan selamat sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Berhormat

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis kaola wakil Zon 1 dari Daerah Belait bersama Yang Berhormat wakil Zon 2 Daerah Belait amat bersyukur dengan ketulusan dan keikhlasan hati juga merapakkan sembah hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kaola dan masyarakat Zon 1 dan Zon 2 bagi Daerah Belait menjunjung kasih setinggi-tingginya dan mengadapkan sokongan serta taat setia yang tidak bebelah bagi hadapan Kebawah Duli Yang Maha Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berdua juga sukacita menyatakan sokongan sepenuhnya di atas Usul dan ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas Usul Setinggi-tinggi Menjunjung Kasih hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kali Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022 serta dengan limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kali Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya kaola menyembah hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei bagi menjunjung kasih setinggi-tingginya dengan sepenuh-sepenuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sukacita bersyukur kerana dengan izin الله سبحانه وتعالى jua hamba dan rakan sejawat kaola dapat menyertai Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2022 setelah penangguhan yang lalu. Dalam persidangan pada tahun juga kita masih berada dalam suasana *Covid-19* yang melanda kita dan dunia namun negara kita Negara Brunei Darussalam dengan izin الله سبحانه وتعالى sebagai Negara zikir, negara berpegang erat dengan ajaran Islam dengan kesungguhan berusaha dengan tidak jemu-jemu berikhtiar semaksimalnya dan bermunajat serta bertawakal kepada الله سبحانه وتعالى di samping berbekalkan berkat Daulat Raja yang dikasihi walaupun penularan *Covid-19* masih membimbangkan tetapi atas sikap kerjasama semua pihak dalam menitik beratkan rasa tanggungjawab yang gitu bersungguh-sungguh serta tidak diambil ringan kaola percaya ianya dapat terkawal dengan izin ان شاء الله

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022-2023 dan mengenai Peraturan kewangan yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perintah perlembagaan yakni prosedur kewangan

pindaan 2022 dan peraturan-peraturan 2022 yang akan bermula berkuat kuasa pada 1hb April 2022 adalah kaola sokong sepenuhnya.

Namun sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam sebagaimana peringatan titah agar pihak-pihak berkenaan akan akur dan bersikap prihatin berhemah dan berdisiplin dalam pengendalian kewangan negara dengan pelaksanaan yang teratur dan bersikap tidak salah menggunakan kuasa berbelanja. Semoga peringatan dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dapat dimanfaatkan sebagai satu peringatan yang murni.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dari kawasan zon 1 bersama rakan sejawat kaola dari Zon II Daerah Belait amat bersyukur pada Allah kerana negara kita sekarang menuju ke arah usaha-usaha mempelbagai sumber ekonomi negara telah mula menampakkan hasil dengan jayanya di samping hasil yang utama negara, iaitu minyak dan gas. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana jumlah eksport *refine fuel* melalui projek pelaburan langsung asing dari bulan Januari 2021 hingga November 2021



bernilai \$USD 4.9 bilion dan juga kejayaan BFI Brunei *Fertilizer* Industri yang terletak di Mukim Liang telah mula mengeksport sebanyak 6,200 Tan Metrik baja Urea pada 3hb Februari 2022.

Dalam bidang sumber-sumber utama seperti pertanian agrimakanan, perikanan dan ternakan adalah menuju pada peningkatan pengeluaran dan ke arah meningkatkan hasil sara diri di samping itu adalah menjadi harapan para petani-petani yang bersawah padi di kampung-kampung terutama Daerah Belait agar sawah-sawah padi akan mendapat bantuan kemudahan asas dari kementerian berkewajib dan terus tidak jemu-jemu menjenguk para petani dan seterusnya memeduli bagi menaikkan lagi taraf sawah-sawah padi di kampung-kampung seperti pemeliharaan saluran air dan longkang menuju ke anak-anak sungai bagi mengatasi banjir yang menenggalami sawah-sawah padi khususnya di ladang-ladang padi di Daerah Belait seperti yang pernah berlaku yang sudah-sudah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, kaola dan rakan sejawat kaola dari Daerah Belait sukacita mengongsikan beberapa sedutan perutusan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke 38 tahun 2022 bahawa walaupun negara banyak menghadapi berbagai cabaran telah

dialami namun begitu **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus berkongsi dengan jentera pembangunan yang menghasilkan perkembangan dan kemajuan berbagai bidang.

Salah satu projek yang terus berjalan ialah projek perumahan negara yang bertujuan demi untuk kesejahteraan rakyat. Apatah lagi yang benar-benar memerlukan. Abis kaola dari Daerah Belait dan seisi penduduknya merafakkan sembah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat menjunjung kasih setingginya. Kepada Kementerian dan Jabatan yang berkenaan di bawahnya tidak akan mensia-siakan harapan penduduk Daerah Belait agar Rancangan Perumahan Negara Daerah Belait akan terlaksana lagi pembangunannya. Iaitu Rancangan Perumahan Negara kerana dalam 8 ke 9 tahun yang lalu ini belum lagi ada dibuat pembangunan selanjutnya.

Semoga jabatan yang berkenaan akan menduduki sebaik mungkin. Yang Berhormat Yang Di-Pertua melalui titah perutusan jua yang dapat kaola petik. “ **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan siapnya terbina jambatan penghubung Daerah Temburong ianya melahirkan banyak manfaat dengan tertubuhnya autoriti kemajuan Daerah Temburong dengan merancang berbagai pembangunan dan kemajuan yang bekal dikecapi seperti bidang pertanian, pembangunan

ekonomi pelancongan, eko-pelancongan dan lain-lain. Dalam pandangan kaola, langkah-langkah penubuhan autoriti kemajuan daerah adalah langkah yang tepat yang boleh satu masa nanti akan dilaratkan.

Autoriti kemajuan ini ke daerah-daerah seterusnya supaya setiap daerah mempunyai pembangunan kemajuan yang selaras. Kaola percaya ianya tidak mustahil demi untuk kemajuan semua daerah. Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi mengakhiri ucapan kaola dan rakan sejawat kaola dari Daerah Belait dalam usul menjunjung kasih ini, kaola mengambil kesempatan sekali lagi merafakkan sembah taat setia yang tidak berbelah bahagi dan ucapan Setinggi Menjunjung Kasih serta sokongan sepenuhnya terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Yang Di-Pertua sekian sahaja ucapan dari hamba, kaola dan tidak lupa mengucapkan banyak-banyak terima kasih. والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli rasmi kerana

jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli yang dilantik. dan salam sejahtera. Kaola juga menyokong sepenuhnya di atas Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah menyembahkan ucapan banyak-banyak Menjunjung Kasih ke atas kehadiran Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah.

Baginda dalam titah menyentuh tentang kemajuan pelaburan asing iaitu *FDI* dan alhamdulillah hasil usaha setakat ini telah membagi impak kepada peningkatan aktiviti perekonomian negara. Selagi pun mengutamakan penglibatan pengusaha tempatan dan segi peluang perniagaan dan pekerjaan. Sejak pelaksanaan *fiscal consolidation* dan tema ekonomi melabur untuk masa depan *investing for our future*. Kaola mengucapkan syabas dan tahniah ke atas semua usaha dan kerjasama jentera kerajaan sektor swasta dan masyarakat yang terlibat dalam membina ekonomi yang mampan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga menyokong segala ucapan yang disampaikan oleh rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat pada petang ini dan bersyukur atas sumbangan sektor swasta

tempatan dalam usaha meningkatkan keselamatan makanan (*Food Security*) dan menyumbang KDNK Negara serta menyokong perjuangan mengatasi pandemik *COVID-19*. Jika ada perkara yang sepatutnya kitani mengambil pelajaran dari wabak ini adalah keperluan kesepaduan dan kerjasama. Merendah diri seharusnya menjadi pendekatan penggerak untuk menghasilkan dasar.

Kesepaduan, kesepakatan dalam pembangunan negara adalah peringatan dari titah baginda semasa memperingati Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang ke 38. Marilah kita menggunakan resep pandemik untuk meletakkan negara kita sebagai ekonomi *inclusive* dengan tujuan sosial untuk generasi yang akan datang Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan kaola adalah untuk membolehkan industri pekerja kita dibaikpulih sepenuhnya bagi membolehkan keadilan, perlindungan dan kemampuan industri pekerja bukan mengira pekerja tempatan atau pekerja asing pekerja tetap atau tidak formal tetapi untuk membolehkan keadilan dalam pasaran industri pekerja untuk kedua dua majikan dan pekerja boleh ditentukan oleh berbagai sektor utama. Kesesuaian dengan perubahan dan pasaran pekerja dan ekonomi keluar dari pendemik penambahbaikan dalam perundngan industri pekerja yang meliputi semua kerja bergaji tidak kira negara asal. Pastikan latihan minimum atau pembelajaran sepanjang hayat

dibina dalam rangka kerja industri pekerja meningkat proses pentadbiran digital yang *end to end* dan menguatkuasakan sistem *arbitration* yang adil antara kedua dua majikan dan pekerja sekiranya berlaku masalah dalam perundingan. Kaola menyeru kepada jentera kerajaan untuk pertingkatkan kemaskinian polisi yang *oudated* dan mengubahsuai kepada keadaan semasa dengan memberi kesedaran kaedah perusahaan dan sumber tenaga dari segi profesional dan pekerja.

Untuk mengakhiri saya imbas petikan dari Syair Perlembagaan Negara Brunei "*Ilmu itu pelita hati dapat mengira untung dan rugi senang menduga saudara sehati panduan memilih elok dan keji*". Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

#### **Yang Berhormat Awg Hj Emran bin Haji Sabtu:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Dipertua dan Ahli Ahli Yang Berhormat Terlebih dahulu kaola merafakkan kesyukuran ke hadrat kaola merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah سبحانه وتعالى kerana dengan izin-Nya kita dapat menghadiri diri di Majlis Persidangan Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas. Majlis Mesyuarat Negara tahun 2022.

Seterusnya kaola dengan penuh takzim merafakkan sembah menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzadin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas berkenan berangkat Ke Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuarat Ke 18 Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah seterusnya kaola menyokong sama atas Usul Menjunjung Kasih yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di atas keberangkatan Baginda dalam Istiadat Perasmian dan berkenan mengurniakan titah semalam.

Sesungguhnya kurnia titah baginda tersebut telah menggariskan tujuh perkara utama yang antara lain ialah menyentuh mengenai dengan amanah kewangan negara, Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) Rancangan Kemajuan Negara ke-12, keselamatan makanan, impak penularan wabak, terhadap harga barangan dan kadar inflasi dan usaha negara meningkatkan lagi Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) dan meningkatkan

sektor pertanian, agri-makanan, perikanan dan ternakan.

Semua itu kaola penuh percaya dan yakin bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai kepakaran dan amalan amalan yang baik dan akan memikirkan dengan sebaik mungkin dan akan memikirkan setulus hati dan kesambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kaola juga penuh percaya Baginda sentiasa terbuka untuk meneroka terlebih dahulu yang baik dan kurangnya cadangan cadangan dari perbagai pihak yang memiliki kepentingan yang sama dan boleh membawa manfaat yang akan memelihara kepentingan negara justeru akan dapat terus mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

Pertubuhan dan kelangsungan ekonomi negara juga bergantung kepada kadar inflasi yang seterusnya memberi kesan kepada perbelanjaan kepada segenap lapisan masyarakat untuk menjamin kelangsungan kehidupan dapat diteruskan disamping menjamin akses kepada penjagaan kesihatan diri yang mencukupi serta memastikan agar kelangsungan pendidikan dalam berjalan dengan cukup berkesan dan sesuai dengan nada dan rentak kemampuan masyarakat. Semua ini merupakan tulang belakang kepada penggerak Wawasan Negara 2035 yang memerlukan

kan rakyat supaya sihat sejahtera mental, rohani dan jasmani, berpendidikan dan berkemahiran menyumbang kepada ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Ahli yang Berhormat. Dikesempatan ini kaola berharap rakyat dan penduduk di negara ini akan terus bersatu dan terus berupaya dan diupayakan untuk meneruskan amalan saling bantu membantu yang telah dikukuhkan dengan penularan wabak COVID-19 yang telah berusia lebih 2 tahun ini. Di kesempatan ini kaola sukacita menyampaikan syabas dan terima kasih yang setinggi tingginya kepada semua lapisan barisan hadapan samada dari sektor keselamatan, pasukan beruniform, perubatan kesihatan dan kesukarelawan seluruh warga perjawatan awan pihak swasta dan yang lainnya yang telah berusaha segigih harapan dan melalui penat lelah dan pengorbanan yang tinggi dalam sama sama membantu pihak kerajaan dan negara. Semoga segala usaha yang diberikan itu akan mendapat balasan *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan setimpal.

Mengenai dengan teknologi, kegigihan pihak pihak berwajib mengetengahkan kemudahan teknoogi digital dan alam maya kearah matlamat *Brunei Digital Economy* disamping memastikan integriti keselamatan maklumat dan layanan menggunakannya pihak-pihak berwajib hendaklah sentiasa peka akan keperluan dan jurang yang perlu

dirapatkan agar pengguna sasaran diperbagai peringkat umur tercapai.

Apa yang penting ialah meneroka inisiatif untuk mewujudkan pembantu digital yang akan memberi khidmat sokongan kepada penggunaan sesebuah perkhidmatan dan kemudahan dalam talian.

Menyentuh mengenai dengan perubahan untuk Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang akan dilaksanakan dalam tahun 2023, *الْحَمْدُ لِلَّهِ* kita bersyukur kehadiran Allah SWT diatas kurnia baginda itu dan menjunjung kasih setinggi-tingginya. Ianya adalah merupakan kurnia yang selama ini ditunggu dan sudah sewajarnya nikmat yang diberikan itu disyukuri agar nikmat Allah ini akan sentiasa berkekalan sesuai dengan firman Allah saw dalam surah Ibrahim ayat tujuh yang tafsirnya, "*dan ingatlah ketika Tuhan Mu memberitahu dengan sejelas jelasnya demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat mu. Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku adalah amat pedih*".

Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga negara kita dijauhkan daripada wabak penyakit dan bala bencana sebaliknya dilimpahi dengan berkat dan kemakmuran yang berpanjangan. Kita berdoa ke hadrat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Di-Raja sentiasa beroleh kesejahteraan, rahmat, petunjuk serta perlindungan dari **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

#### **Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

**السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

الحمد لله , Usul Menjunjung Kasih ini, kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dalam kesempatan ini kaola menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ikut serta merafakkan syukur kehadiran **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan izin-Nya jua saat ini berkesempatan hadir berada di dalam Dewan yang mulia pada tahun ini. Untuk menunaikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seperti mana terkandung dalam titah baginda di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas yang menyentuh baginda berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya bersedia memberikan buah fikiran dan pendapat masing-masing tanpa ragu-ragu dan walang demi kebaikan bersama. Oleh itu, kaola sebagai pemimpin akar umbi mewakili Zon 2, Daerah Brunei dan Muara akan berusaha sedaya upaya bagi melakukan dan tindakan yang terbaik bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Majlis Mesyuarat Negara tidak syak lagi berperanan besar dalam memacu pembangunan negara, membincangkan perkara-perkara untuk rakyat dan negara serta wadah strategik membahaskan dan

menyelesaikan mana-mana isu yang belum selesai dan memperbaiki apa jua keperluan yang perlu diperbaiki.

Marilah kita sama-sama fokus kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mana di dalam titah baginda untuk persidangan majlis kali ini, yang akan membincangkan tentang Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023 yang sudah ditunduki bersama dengan kementerian-kementerian berkenaan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Negara, bahawa Baginda ada mengingatkan pentingnya melaksanakan secara berhemah dan berdisiplin terutamanya dalam mempertimbangkan peruntukkan kewangan dan perbelanjaan negara yang menitik beratkan perbelanjaan berhemah.

Jika dipraktikkan, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan membolehkan negara menjimatkan perbelanjaan yang mampu untuk menabung lebih pendapatan bagi menampung peruntukan-peruntukan yang lebih bermanfaat. Tanggungjawab bagi pihak yang berkenaan mestilah bijak dalam mengatur kewangan mengikut prosedur yang telah ditetapkan serta perlu jua mempunyai sikap jujur, amanah dan bertimbang rasa serta adil di dalam menetapkan sesuatu keputusan.

Titah Baginda juga memfokuskan kepada isu Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP)

dan baginda telah mengambil maklum bahawa kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) bagi pelaksanaan penuh yang akan bermula pada tahun 2023.

Tentang pindaan kepada akta perubahan kepada sistem teknologi maklumat dan termasuk pemberigian dengan pelaksanaan yang disusun teratur itu akan dapat memberikan kefahaman kepada mereka yang terlibat dalam Skim khususnya Skim Persaraan ini. Pelaksanaan ini merupakan komitmen tinggi Kerajaan Baginda akan kebaikannya masa depan untuk rakyat Baginda.

Baginda juga menimbulkan beberapa perkara bagi menarik perhatian Majlis supaya tetap fokus kepada perkara-perkara yang besar serta mencabar dan bukannya membawa kita leka dan lupa iaitu seperti kita maklumi RKN-11 akan berakhir pada tahun 2022/2023. Setentunya RKN-12 akan mula menyusul pada April 2023 bahawa pada masa ini Sekretariat RKN di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang giat menyediakan peta jalan bagi beberapa projek untuk dilaksanakan di dalam RKN 12 nanti yang melibatkan kesemuaan Kementerian dalam mencapai usaha sama ke Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menghulurkan bantuan kepada Perusahaan Mikro Kecil dan

Sederhana yang bertujuan untuk mengurangkan pekerja-pekerja diberhentikan dari bekerja ketika gelombang wabak COVID-19 melanda negara. Titah baginda menekankan tentang bidang pekerjaan ini, bahawa perlulah mana-mana pihak yang berkenaan mengambil perhatian untuk mengerakkan anak-anak tempatan bagi mengisikan peluang-peluang yang ada. Jangan biarkan mereka kehilangan pekerjaan walau saat pandemik khususnya golongan pekerja di sektor swasta yang terkesan. Memastikan mereka dapat menerima bantuan kewangan yang dihulurkan untuk kehidupan seharian mereka. Kita mesti mengkaji dengan teliti dan peka untuk memikirkan anak-anak tempatan kita, supaya hidup mereka terjamin masa depan mereka. Ini semua tidak patut dipandang dengan sebelah mata sahaja tetapi perlu di pantau lebih dekat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Turut memerlukan perhatian majlis dari titah Baginda bahawa satu lagi perkara yang penting untuk diberikan perhatian ialah kemasukan pelabur asing ke negara ini. Ianya akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan peluang perniagaan kepada para usahawan kita untuk menambah hasil pendapatan termasuklah memberikan banyak faedah kepada negara kita sendiri. Apa yang penting mengenainya, haruslah di ceburi secara terbuka, bukan hanya segelintir pihak tertentu sahaja yang dapat merebut peluang tetapi biarlah ramai kerana ramai itu menampakkan adanya kemajuan.

Para usahawan mestilah bergerak mengembangkan perniagaan dan industri masing-masing tanpa terhenti, tidak separuh jalan tetapi perlu menghadapi pelbagai cabaran perniagaan sehingga sampai ke puncak atau sukses. Perlu banyak galakkan yang tidak putus-putus dari pihak berkenaan kepada usaha sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan. Perkara tersebut mestilah sentiasa terlaksana kerana ini adalah satu keperluan negara.

Kaola ingin mengusulkan dalam Majlis Mesyuarat Negara ini serta semua pihak di dalam Dewan ini supaya lebih fokus memedulikan semua permasalahan rakyat serta penduduk. Kita hendaklah mengambil prespektif yang benar-benar di yakini dan dapat menolong memajukan kehidupan mereka. Apa pun isu atau permasalahan kita tangani ia dengan baik melalui perundingan serta persetujuan bersama. Apa yang penting dari sekarang adalah fokus kepada persidangan. Kalau hari ini kitani merancang sesuatu, hari ini juga kita berkata sesuatu dan menjanjikan kepada rakyat tentang sesuatu tetapi hari inilah kita menjanjikan tetapi hari inilah kita di dengar oleh seluruh rakyat yang menantikan sesuatu yang terbaik dari kita semua di persidangan ini. Maka dari itu, tunaikan apa yang diperkatakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Isu kenaikan harga barang turut disentuh yang mendapat perhatian baginda. Begitu juga aduan dari pelbagai pihak, pemedulian baginda akan kenaikan harga barang oleh peniaga sewenang-



wenangnya, supaya pihak berkenaan akan dapat memantau, supaya dari kebenaran yang diberikan. Berlakunya kenaikan harga barang keperluan harian akan menambah kesulitan ke atas mereka yang berpendapatan rendah. Apatah lagi bagi mereka yang bekerja sendiri yang kadang-kala ada yang tiada menerima pendapatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga menyentuh mutu Majlis Mesyuarat Negara Kelapan Belas ini iaitu mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang perlu pembaikan, merupakan kunci utama ke atas rancangan, komitmen, tindakan dan *outcome* oleh semua pihak dalam melaksanakan urusan tadbir yang efisien dan efektif yang menjadi tanggungjawab kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Akhirnya kaola ingin sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang amat jelas dan menunjukkan pemedulian kebijaksanaan baginda yang inginkan kesejahteraan dan kemakmuran semua lapisan rakyat.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ  
 وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sebelum saya menjemput 3 orang ahli lagi untuk memberikan pandangannya mengenai dengan Usul ini, saya ingin mengingatkan bahawa suhu dalam dewan ini semakin rendah dan kita telahpun berada di dalam dewan ini lebih kurang 2 jam setengah. Jadi saya minta kalau sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang 3 orang itu akan dapat memendekkan ucapan mereka masing-masing supaya kita akan dapat menyelesaikan Usul ini dengan sempurnanya dengan petang ini juga. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

### **Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ  
 الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته, dan salam sejahtera dan selamat petang.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ , syukur ke hadrat  
 اَللّٰهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالٰى , dalam Usul Menjunjung Kasih ini, kaola mewakili dari Zone 1 dan 2 Daerah Tutong, menyokong penuh Usul cadangan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam ruang masa yang diberikan ini, kaola dan rakan wakil Daerah Tutong menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Ke Hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Majlis Istiadat Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 Rejab 1443H bersamaan 24 Februari 2022M.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dan rakan wakil zone 1 dan 2, Daerah Tutong, turut serta merafakkan sembah syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan izin-Nya juga, dalam suasana dunia masih di landa coronavirus tidak terkecuali negara kita juga menghadapi gelombang ketiga COVID-19, yang kini semakin tinggi kes jumlah kejangkitan. Namun negara kita menghadapi dengan penuh tanggungjawab yang jitu dan bersatu padu, memerangi virus ini atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi beberapa kementerian terutama Kementerian Kesihatan, kini semua rakyat dan

penduduk menerima 95%, 2 dos vaksinasi dan 50%, 3 dos vaksinasi secara percuma. Mudah-mudahan dos ketiga secepatnya sampai kepada sasarannya 90% ke atas.

Selain itu, sangat dijunjung tinggi ialah kerajaan baginda telah menghulurkan bantuan kewangan kepada perusahaan mikro kecil dan sederhana dan juga pekerja sektor swasta untuk mengurangkan pemberhentian pekerja atau terjejas kelangsungan hidup seharian. Di kesempatan ini, tidak lupa kaola dan rakan wakil Daerah Tutong menyampaikan ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada para pegawai, para doktor, kakitangan dan *frontliner* dan siapa juga yang terlibat menangani gejala wabak *COVID-19* ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam titah Baginda ada menyentuh mengenai dengan Rang Undang-Undang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023, supaya setiap perancangan strategik kementerian dan jabatan diharap dikendalikan dengan penuh berhemah dan berdisiplin menggunakan mengikut keutamaan dan keperluan.

Dalam perkara ini, kaola dan rakan wakil Daerah Tutong menjunjung tinggi dengan sepenuhnya kerana ada beberapa perancangan kemajuan perlu diutamakan umpamanya mencari Kawasan padi di Daerah Tutong supaya selari untuk sara hidup negara bagi menyokong Projek Padi Kandol Daerah Belait, dan begitu juga keutamaan terhadap sebahagian jalan utama

di Daerah Tutong demi kesejahteraan dan keselamatan penduduk, umpamanya pengguna jalan raya Bakuru dan Jalan Keranching Mukim Rambai yang sejak sekian lama sering dilanda banjir berulang-ulang belum dapat diselesaikan. Begitu juga pembinaan Sekolah Vokasional Daerah Tutong dan pembinaan penghadang tebing susur di pantai supaya diambil perhatian akan keutamaannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah, atas keprihatinan dan pemedulian baginda yang tidak kendur-kendur, kerajaan baginda telah melaksanakan projek pencegahan banjir di beberapa Kawasan Daerah Tutong kini menampakkan hasilnya. Sebahagian dari kawasan yang dulunya sering dilanda banjir, kini sudah jarang berlaku. Apabila siapnya beberapa benteng penghadang banjir dan dua kalbar tinggi laluan air banjir diguna di Mukim Tanjung Maya. Kalau banjir pun tidak memakan masa yang lama. Kini ada dua jambatan baru sedang dalam proses pembinaan di Kampung Bukit Udal dan Kampung Sungai Damit dan penduduk di Daerah Tutong juga, penduduk di sekitar yang menjalankan jalan utama sebagai perjalanan harian bersyukur kerana jalan lama dari Kampung Keriam hingga ke Kampung Kupang sudah sebahagiannya dinaik taraf dan juga dibaik pulih secara berperingkat-peringkat.

Kaola dan rakan wakil Zon 1 dan 2 Daerah Tutong mengharapkan dalam

RKN Ke-12 ini, segala apa juga projek kemajuan yang belum selesai atau perancangan kemajuan yang baru di Daerah Tutong dapat dilaksanakan dan diperbincangkan bersama dengan kaola akan prosesnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya baginda mengharapkan kejayaan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya memberikan buah fikiran dan pendapat masing-masing tanpa ragu-ragu dengan memberikan idea-idea yang bernas. Sehubungan dengan titah baginda ini, kaola dan rakan wakil Daerah Tutong akan sedaya upaya menunaikan hasrat baginda dengan rasa penuh dedikasi dan tanggungjawab memberikan pandangan, pemikiran serta kerjasama dengan mana-mana jua kementerian demi kemajuan negara dan kesejahteraan penduduk. Tambahan lagi kaola dan rakan adalah sebagai pemimpin akar umbi yang berdamping dengan anak-anak buah mukim dan kampung sering menerima berbagai pemikiran dan aduan. Akhirnya abis kaola berdoa, semoga negara kita sentiasa dalam aman makmur dan bebas dari cengkaman *COVID-19* serta sentiasa dalam perlindungan *الله سبحانه وتعالى*.

Walau bagaimanapun, *kehadiran COVID-19* adalah sebagai suatu dugaan atau ujian untuk kita bagaimana mengatur tadbir urus hidup secara norma baharu. Kini rakyat negara ini harus membiasakan diri iaitu kelangsungan hidup dengan fasaa endemik agar aktiviti bidang Pendidikan, keugamaan, ekonomi

dan pentadbiran negara tidak terjejas akibat wabak *COVID-19*. Kesimpulannya semua perkara yang terkandung dalam titah baginda menunjukkan pemeduliaan kepada kepimpinan dan kebijaksanaan baginda yang inginkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduk negara ini. Didoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan kerabat sentiasa sihat sejahtera serta sentiasa dalam perlindungan

اللّٰهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah baginda terutama sekali di dalam soal mentadbir urus kewangan negara secara berhemah dan berdisiplin. Dalam masa yang sama, memberi penekanan di dalam menggerakkan pembangunan negara agar lebih teratur serta memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Ini termasuklah di dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat yang terkesan disebabkan wabak *COVID-19*.

Sehubungan dengan ini, kaola berharap di dalam rancangan peta jalan RKN Ke-12 yang akan bermula pada tahun 2023, usaha-usaha ke arah memperkasa ekonomi masyarakat melalui skim bantuan perniagaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) dapat dilaksanakan di peringkat nasional. Ini termasuklah memperluaskan skop perniagaan norma baharu yang memberikan manfaat kepada semua golongan termasuklah memperkenalkan inisiatif-inisiatif seperti mempelbagaikan bentuk bantuan pinjaman perniagaan tanpa faedah kepada perusahaan bumiputera baru dan juga yang lama. Menyediakan ekosistem perniagaan yang lebih menarik serta lengkap dan terkini sama ada di Kawasan

bandar mahupun juga dikawasan kampung. Menggerakkan agenda pembangunan negara dengan idea-idea yang baru bagi mewujudkan peluang-peluang perniagaan yang lebih menarik, memberi keutamaan kepada produk-produk keluaran tempatan sebagai pilihan dan dalam masa yang sama memperkenalkan sistem perniagaan berkonsepkan Islam sebagai asas mewujudkan ekonomi yang lebih dinamik dan penuh keberkatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga tertarik dengan titah baginda berkenaan dengan jaminan makanan negara mengenai dengan wabak *COVID-19* banyak memberikan kesan terutama sekali kepada sumber makanan di Negara Brunei Darussalam. Dalam perkara ini sudah tiba masanya usaha padu ke arah meningkatkan hasil keluaran produk-produk makanan tempatan terus dilaksanakan, ini termasuklah mengemaskinikan sebagai permohonan tapak seperti tanah tumpang sementara (TOL) kepada bumiputera tujuan pertanian atau tapak untuk memulakan perniagaan.

Mewujudkan skim kemudahan perniagaan yang berkonsepkan perkongsian bagi mengurangkan kos operasi serta memberi kemudahan dan bantuan kepada peniaga bumiputera meningkatkan hasil produk seperti memudahkan skim taruh kongsi, mesin kongsi dan sebagainya.

Memperluaskan program-program dan projek-projek khususnya di dalam memperkenalkan teknologi baru bagi menghasilkan produk-produk makanan, memproses dan sistem pemasaran yang lebih luas seperti menghasilkan produk-produk makanan sajian beku yang kekal dan bermutu tinggi.

Dengan ini, hasrat ke arah untuk meningkatkan hasil sara diri negara akan tercapai sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan produk-produk yang diimport di luar negara seperti yang ada masa sekarang ini.

Sekian sahaja.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang kita persilakan Yang Berhormat Pg Haji Ali bin Pg Maun.

#### **Yang Berhormat Pg Haji Ali bin Pg**

**Maun:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Pehin Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Ahli-Alhli Majlis Mesyuarat Negara. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, dengan memanjatkan syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan di atas limpah dan kurniaNya jua, maka kaola dapat bersama-sama dalam sidang yang mulia bagi menyokong penuh Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli seterusnya mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2022.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, kaola amat menyanjung tinggi akan nasihat, mandat dan amanat yang telah dititahkan oleh baginda dalam memikir dan merancang perkara-perkara strategik yang memberi tumpuan kepada aspek pengurusan kewangan negara, Rancangan Kemajuan Negara dan mengembangmajukan ekonomi negara.

Kaola yakin dan penuh percaya usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bersama agensi-agensinya yang berkepentingan telah menampakkan hasilnya. Kesemua ini adalah demi untuk

menjamin kestabilan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Justeru, kaola menyambut baik seperti apa yang telah dititahkan oleh baginda mengenai dengan pengkajian semula Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada awal tahun 2023. Apa yang diharapkan nanti ialah suatu perubahan yang positif yang boleh memberikan harapan baru kepada jaminan hidup yang lebih baik bagi bakal pesara yang rata-rata bergantung harap kepada TAP dan kurnia Pencen Tua.

Dalam pada itu juga kaola rasakan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan peribadi adalah penting demi menjana kestabilan dan kesejahteraan hidup. Maka, atas asas ini pihak kerajaan telah pun memperkenalkan kursus pengurusan kewangan peribadi bagi bakal pesara agar bakal pesara bijak dalam mengurus dan mengawal kewangan mereka. Adalah dicadangkan agar kursus kewangan peribadi ini dilaksanakan secara mandatori kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang baru berkhidmat bagi memberi kemahiran dan kesedaran akan kepentingan dengan pengurusan kewangan peribadi. Bahkan kursus ini boleh saja diperkenalkan dalam program sivik bagi graduan-graduan yang tamat pengajian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, menyentuh mengenai Rancangan Kemajuan Negara ke-12 yang akan bermula pada bulan April 2023, kaola berharap rancangan-

rancangan yang akan dilaksanakan dalam lima tahun ke hadapan ini bukan hanya sekadar bisnis (*as usual*) bahkan menerapkan satu belanjawan menyeluruh sebagai sebuah negara yang maju ke hadapan dalam paska *COVID-19* ini termasuk menjelajahi ekonomi baru merangkumi ekonomi digital, ekonomi industri 4.0 bahkan pendigitilan ekonomi negara boleh dilaratkan kepada sistem kewangan Islam yang mampu memainkan peranan besar dan sebagai satu instrumen bagi menyeimbangi ekonomi negara sebagai contoh, sedekah wajib seperti zakat memainkan peranan dalam membantu ekonomi negara di bawah Strategi Jaminan Sosial yang mana setiap tahun hampir pebelasan juta telah diagihkan kepada golongan asnaf fakir dan miskin. Harapan kaola adalah supaya diberi penekanan terhadap sedekah voluntari yakni secara sukarela yang memang dituntut dalam Islam seperti wakaf dan sedekah jariah. Seperti juga instrument kewangan islam iaitu harta-harta baitulmal dan berunsur amanah, khairat seperti fidyah dan khafarah sewajarnya di war-warkan.

Kaola berharap perkara ini dapat diambil serius yang mana jika instrument kewangan islam tersebut dilaksanakan secara teratur menerusi ekonomi digital akan memberikan kesan positif dalam ekonomi negara sebagai usaha memastikan Wawasan Negara 2035 dapat tercapai. Semoga apa yang kaola sampaikan ini dapat difikirkan dan diterima baik sebagai satu cadangan

penambahbaikan. Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ Usul yang telah dibentangkan. Saya persilakan pula Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

#### **Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ kaola terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesempatan yang diberikan keatas kaola untuk berucap secara ringkas sebagai menyokong Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diatas Keberangkatan Bercemar Duli Baginda dan mengurniakan titah Baginda bersempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan dengan 24 Februari 2022.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu sesungguhnya amat berwawasan dan penuh hikmah mengandungi nasihat dan pengamatan tajam serta pandangan jauh Baginda sebagai payung negara.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga tersirat peringatan yang mencerminkan dengan jelas keprihatinan dan kebijaksanaan Baginda dalam memastikan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dipelihara dan terjamin terutama dalam negara menghadapi dan menangani cabaran masa kini khususnya musibah penularan wabak *COVID-19* dengan hakikat kehidupan dengan cara yang baru.

Jadi penelitian kaola sukacita kaola menekankan tiga perkara titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti berikut;

- i) Baginda menekankan pentingnya pelaksanaan program dan projek Jabatan dan Kementerian itu akan menjurus kepada memastikan sumbangan substantif kepada pembangunan ekonomi termasuk

penarikan *Foreign Direct Investment (FDI)*, Joint Venture dan sebagainya. Peningkatan hasil pendapatan termasuk *food security* sama ada secara off shore mahupun local atau membuka peluang-peluang pekerjaan berkualiti kepada anak-anak tempatan, memastikan keselamatan dan keharmonian negara serta merangsang peningkatan kemahiran dan produktiviti dan mengutamakan aspek pematuhan kepada peraturan-peraturan kewangan yang berjalan dalam memastikan perbelanjaan negara dikendalikan dengan penuh integriti, berhemah dan berdisiplin.

- ii) Baginda juga bertitah mengenai kajian keatas Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang telah selesai dijalankan dan insya-Allah akan mula dilaksanakan pada tahun 2023. Ini jelas mencerminkan pemedulian dan pemerhatian Baginda agar rakyat dan penduduk negara akan dapat menikmati kesejahteraan dan kehidupan yang mampan setelah bersara nanti.
- iii) Baginda bertitah mengenai Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang akan berakhir pada Tahun Kewangan 2022/2023. Sehubungan ini, peta jalan bagi projek-projek sedang giat disediakan untuk dimasukkan



dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 dengan menerapkan kaedah *Whole of Government* dalam usaha bagi mendokong pencapaian Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perdana Menteri akan senantiasa mengukuhkan lagi tadbir urus atau *Good Governance* di semua peringkat dan sektor bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah terbaik, efisien, efektif dan yang penting ialah mesra rakyat. Ini termasuklah penggunaan teknologi maklumat yang luas dalam Perkhidmatan Awam dalam memastikan perkhidmatan kepada orang ramai terutama semasa negara menghadapi wabak *COVID-19* ianya masih saja dapat disalurkan.

Ekonomi negara tidak terkecuali daripada terkesan dengan ketidakpastian pasaran dunia berikutan penularan wabak *COVID-19*. Perkara ini akan terus memberikan kepada hasil dan peruntukan Belanjawan Negara setentunya ia akan mencabar perancangan kita untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan atau *sustainability* danimbangan fiskal. Untuk itu, kita semua adalah terpenggil untuk menjadikan sektor awam agar lebih cekap dan berkesan selain pengemaskinian dasar dan peraturan inisiatif lain yang sedang dilaksanakan

oleh sebuah agensi kerajaan. Dalam jangka pendek ini kita perlu mengawalimbangan fiskal negara disamping memastikan ekonomi akan dapat tumbuh secara kukuh dan konsisten. Justeru itu, kita perlu kepada pendekatan bersepadu (*Whole of Nation*) dan *Whole of Government Approach* yang baginda titahkan. Usaha-usaha ke arah ini hendaklah digembling bersama oleh sektor Kerajaan dan swasta serta seluruh rakyat dan penduduk. Kitani semua memainkan peranan yang sama mustahak untuk mengayuh sama-sama mengharungi lautan yang bergelora untuk mencapai matlamat yang sama.

Dalam kata lain sektor Kerajaan dan swasta serta masyarakat negara ini penting untuk berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan yang ampuh dan padu agar bangsa serta negara dapat memanfaatkan cabaran-cabaran semasa sebagai peluang kearah perubahan yang berkesan dan positif.

إِنْ شَاءَ اللهُ Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Wawasan Negara 2035 akan berganding bahu dengan semua stakeholders bagi memastikan segala perancangan dan projek yang dilaksanakan mendukung wawasan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Didalam dewan yang mulia ini marilah kita sama-sama bermesyuarah dengan membuat perundingan secara baik mengemukakan cadangan-cadangan, saranan-saranan, syor-syor untuk dikaji dan diambil

serta diambil penyelesaiannya atau cara mengatasinya sepertimana jua yang dianjurkan oleh ugama Islam dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Pandangan, syor dan saranan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin sebentar tadi adalah satu contoh yang baik dan perlu difikirkan langkahnya begitu juga saranan Ahli-Ahli Yang Berhormat lain selepasnya tadi. Inilah yang dimaksudkan oleh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menekankan bahawa dalam persidangan ini kita hendaknya mampu mengetengahkan perkara-perkara strategik yang mengukuhkan pencapaian-pencapaian negara demi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk. Di akhir titah Baginda memberikan penekanan supaya persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini akan dapat memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara yang strategik dan penambahbaikan apa yang perlu ditambah baik. Titah baginda tersebut kita junjung setinggi-tingginya dengan menekankan di Dewan yang mulia ini. Isu-isu kepentingan negara dan keharmonian serta kemashalatan masyarakat hendaklah sentiasa dijaga dan diutamakan.

Akhir sekali, kaola ingin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah Baginda.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ dengan sumbangan ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini yang mana merupakan secara automaticnya mengulung perbincangan yang telah dibuat oleh Dewan ini berhubung dengan satu Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dengan itu saya sekarang ingin bertanya kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada Usul ini kita luluskan atau sebaliknya. Yang bersetuju sila angkat tangan.

### **(Semua Ahli bersetuju mengangkat tangan)**

Terima kasih, nampaknya semua ahli bersetuju maka Usul ini diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan mesyuarat ini dan ان شاء الله kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Sabtu 26 Februari 2022 mulai daripada jam 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**